

# VECOBAL 500MCG TABLET

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Mecobalamin (500mcg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Vecobal*
2. Bagaimana *Vecobal* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Vecobal*
4. Cara menggunakan *Vecobal*
5. Semasa menggunakan *Vecobal*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Vecobal*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Vecobal*

*Vecobal* digunakan untuk rawatan kecederaan saraf periferai (saraf di luar otak dan saraf tunjang) dan rawatan gejala yang disebabkan oleh kekurangan Vitamin B12

## Bagaimana *Vecobal* berfungsi

Mecobalamin adalah koenzim Vitamin B12. Ia memainkan peranan yang penting dalam sintesis protein dan merangsang sintesis asid amino dan membantu untuk memulihkan tahap normal asid nukleik dalam sel-sel saraf. Ia juga meningkatkan pembentukan komponen utama dalam sel-sel saraf..

## Sebelum menggunakan *Vecobal*

- *Bila tidak boleh menggunakan*  
Jangan mengambil ubat ini tanpa nasihat daripada Doktor atau Ahli Farmasi.

Ubat ini tidak disyorkan untuk kanak-kanak kecuali dinasihati oleh doktor.

## Mengandung dan menyusukan anak

Adalah tidak digalakkan untuk mengambil ubat ini semasa kehamilan dan penyusuan, kecuali dinasihati oleh doktor. Vitamin B12 akan dirembeskan dalam susu ibu.

- *Sebelum menggunakan Vecobal*  
Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil *Vecobal*.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Penyerapan Vitamin B12 akan dikurangkan oleh:

- *Neomycin* (digunakan untuk merawat jangkitan kulit)
- Asid Aminosalicylic (digunakan untuk merawat batuk kering-penyakit berjangkit yang biasanya menyerang paru-paru).
- Histamine H2-antagonis (digunakan untuk merawat ulser duodenum / gastrik)
- *Colchicine* (digunakan untuk merawat gout)

## Cara menggunakan *Vecobal*

- *Berapa banyak harus digunakan*
  - Gunakan mengikut arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi.
  - Untuk orang dewasa, ambil 1 tablet (500mcg) 3 kali sehari. Dos boleh disesuaikan mengikut umur dan simptom anda.
  - Ubat ini hendaklah diambil secara oral dengan segelas air yang penuh.
  - Jangan melebihi dos yang disyorkan melainkan ditetapkan oleh doktor.

- *Bila perlu digunakan*

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- *Berapa lama perlu digunakan*

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- *Jika terlupa menggunakan*

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)*

Dalam mana-mana kes terlebi dos, sila hubungi doktor anda atau dapatkan rawatan kecemasan dengan segera.

Tiada kes terlebi dos Mecobalamin telah didokumenkan. Sekiranya berlaku kes terlebi dos, rawatan sokongan atau simptomatik adalah disyorkan.

## Semasa menggunakan *Vecobal*

- *Perkara yang perlu dilakukan*

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Vecobal*.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi *Vecobal* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Mecobalamin tidak harus digunakan secara berterusan selama berbulan-bulan jika tidak ada sebarang tindak balas selepas administrasi awal. Jika

keadaan tidak pulih atau simptom berterusan, sila dapatkan nasihat doktor.

Penggunaan dos besar Mecobalamin untuk jangka masa yang panjang adalah tidak digalakkan jika pekerjaan anda memerlukan pengendalian merkuri atau sebatianannya.

### **Kesan-kesan sampingan**

Secara amnya, Mecobalamin dapat diterima dengan baik. Ketidakeselesaian gastro-usus (seperti tiada selera makan, loya, muntah, atau cirit-birit) dan ruam kulit boleh berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

### **Cara penyimpanan dan pelupusan Vecobal**

#### **- Penyimpanan**

Simpan di bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya matahari, haba dan kelembapan. Sentiasa simpan dalam keadaan asalnya.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

#### **- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

### **Maklumat lanjut**

#### **- Rupa dan warna produk**

Vecobal 500mcg Tablet adalah tablet bulat berwarna merah jambu dengan permukaan rata di kedua-dua belah dan skor di satu belah.

#### **- Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif:  
Mecobalamin

- Bahan tidak aktif:  
*Colloidal silica dioxide, Corn Starch, Avicel PH 101 (Microcrystalline Cellulose), Lactose Supertab, Magnesium Stearate*

#### **- Nombor MAL**

MAL09032033XC

### **Pengilang**

Winwa Medical Sdn Bhd  
1952, Lorong I.K.S. Bukit Minyak 3,  
Taman I.K.S. Bukit Minyak,  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharm-D Sdn Bhd  
8B, Jalan 1/137C, Bedford Business  
Park, Off Jalan Kelang Lama,  
58000 Kuala Lumpur, Malaysia.

### **Tarikh kemaskini RiMUP**

2/3/2017

### **Nombor Siri**

BPFK(R4/1)020317/00007